



Negeri Sembilan FC meraikan kejayaan memenangi Piala Menteri Wilayah Persekutuan selepas menewaskan KL City FC 2-0 di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

## Negeri Sembilan juara Piala Menteri WP

**Kuala Lumpur:** Negeri Sembilan FC muncul juara Piala Menteri Wilayah Persekutuan (WP), selepas menundukkan tuan rumah, Kuala Lumpur (KL) City FC, 2-0 dalam perlawanan di sini, kelmarin.

Pada saingan mendebarkan di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras itu, Negeri Sembilan membuka tirai jaringan pada minit ke-11 menerusi pemain import dari Brazil Matheus Alves Leandro.

Skuad Hobin Jang Hobin kemudian menggandakan jaringan pada minit ke-90 menerusi sepaikan penalti pemain import dari Perancis, Herold Goulon.

Negeri Sembilan membawa pulang hadiah wang tunai RM30,000 selaku juara, manakala KL City menerima sumbangan bernilai RM1.5 juta daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, Yayasan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Turut hadir menyaksikan perlawanan itu ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Komunikasi dan Multimedia merangkap Presiden KL City Tan Sri Annuar Musa serta Ahli Parlimen Shah Alam yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA), Khalid Abdul Samad.

Terdahulu peminat skuad The City Boys itu turut meraikan kemenangan Piala Malaysia 2021

bersama KL Legends menerusi perarakan di sekitar stadium keramat itu.

KL City kendalian Bojan Hodak muncul juara selepas menewaskan Johor Darul Ta'zim (JDT FC) 2-0 pada ulang tahun ke-100 Piala Malaysia, tahun lalu.

Sementara itu, pasukan veteran X-Selangor mencatatkan kemenangan 1-0 ke atas pasukan tuan rumah, KL Legend dalam Piala Juara Lembah Klang.

BERNAMA



## City Hall to relax SOP at Lorong TAR bazaar

**KUALA LUMPUR:** The Hari Raya Aidilfitri Bazaar in Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) here will operate as usual according to the standard operating procedures (SOP) set by the National Security Council and the Health Ministry.

Kuala Lumpur Mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah said Kuala Lumpur City Hall would relax its SOP at the bazaar site by not fencing the area like last year.

Nonetheless, wearing face masks, checking in with the MySejahtera app and observing physical distancing would still be enforced, he said after launching Karnival Ohh Kuala Lumpur 2022 at Panggung Anniversari here yesterday.

This year, the Aidilfitri Bazaar at Lorong TAR will have 216 trading lots and operate for a month from the first day of Ramadan.

Mahadi said the local authority would not compromise if there was non-compliance of SOP among visitors and hawkers.

"If the transmission of Covid-19 reaches a certain level, we will be forced to close it."

**RAMADAN MARKET**

Kuala Lumpur Mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah (centre) launching the Karnival Ohh Kuala Lumpur 2022 at Panggung Anniversari yesterday. PIC BY FATHIL ASRI

"It is our responsibility to comply with the SOP and prevent the start of a new Covid-19 cluster," he said.

Mahadi said City Hall was processing applications from hawker associations to join Ramadan bazaars around Kuala Lumpur.

On another matter, Mahadi said Karnival Ohh Kuala Lumpur 2022 was held to promote unity among city folk and provide activities under the new normal for residents.

"It highlights domestic tourism

## PRAYER TIMES

	SUBUH Iamli	SHURUK ▼	ZUHUR	ASAR ▼(pm)	MAGHRIB	ISYAK ▼
Melaka	6:15	7:24	1:27	4:44	7:28	8:38
Penang	6:24	7:31	1:35	4:53	7:33	8:43
K. Lumpur	6:18	7:25	1:30	4:47	7:29	8:39
Johor Baru	6:08	7:17	1:21	4:38	7:22	8:32
Kuantan	6:12	7:21	1:24	4:42	7:24	8:34
Ipoh	6:21	7:28	1:32	4:50	7:31	8:41

# Bazar Aidilfitri Lorong TAR beroperasi ikut SOP

**Kuala Lumpur:** Bazar Aidilfitri di Lorong Tunku Abdul Rahman (TAR) di sini, akan beroperasi seperti biasa mengikut prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata pihaknya akan melonggarkan sedikit kawalan SOP di tapak bazar berkenaan berbanding tahun lalu, termasuk tidak lagi memasang pagar di sekeliling kawasan itu.

"Namun, pemakaian pelitup muka, mengimbas MySejahtera dan menerapkan penjarakan fizikal antara gerai penjaja tetap dilaksanakan," katanya kepada selepas melancarkan Karnival Ohh Kuala Lumpur 2022 di Panggung Anniversary di sini, semalam.

Tahun ini, Bazar Aidilfitri di Lorong TAR mempunyai 216 pe-tak niaga dan bakal beroperasi selama sebulan bermula 1 Ramadhan ini.

Mahadi berkata, walaupun wujud kelonggaran SOP, pihaknya tidak akan berkompromi

sekiranya berlaku ketidakpatuhan sehingga berlakunya penularan COVID-19 di kawasan terbabit.

"Kalau berlaku pada tahap perlu ditutup, kita terpaksa menutupnya.

"Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama dalam mematuhi SOP dan tidak

menjadi kepada penyebaran kluster baharu," katanya.

Beliau berkata, DBKL sedang menguruskan permohonan daripada persatuan penjaja yang berhasrat mengadakan Bazar Ramadan di sekitar Kuala Lumpur.

Sementara itu, Mahadi berkata, penganguran Karnival Ohh Kuala Lumpur 2022 bertujuan menerapkan konsep perpaduan dan persefahaman antara warga kota berbilang kaum selain menyediakan kerajaan bagi menyediakan aktiviti dan program bersesuaian dengan norma baharu.

"Ia juga dapat mengaktifkan aktiviti pelancongan domestik, sekali gus menarik minat penyertaan kalangan warga ibu kota," katanya. BERNAMA



Mahadi Che Ngah

# FT Ministry urged to help speed up road construction



**Yap:** The road is part of the approved development order of a nearby condominium.

(Left) The road connecting Jalan Sibu 1 and Jalan Kepong Lama is only half completed. — SHAARI CHEMAT/The Star

**By JAROD LIM**  
jarodlim@thestar.com.my

TAMAN Wahyu residents in Kuala Lumpur want the Federal Territories Ministry to step in to ensure a road project connecting Jalan Sibu 1 to Jalan Kepong Lama can be completed.

Construction stopped because of technical issues raised by a government agency although the road project was approved as part of a development order of a nearby condominium.

Villa Mas resident Vincent Yap said residents approached the developer responsible for the road's construction when they saw that work had halted.

"We were told that the road had been approved by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) but the road construction could not go on because of technical issues and the developer did not name the agency."

"We want Federal Territories

Minister Datuk Seri Shahidan Kassim to intervene as the road was promised to the residents here since 2014 as a traffic dispersal alternative.

"A plan has been drawn up for the proposed road and we want the road to be completed," he said at a press conference at the project site.

The road is currently only half constructed and is located near electricity pylons beneath an MRT track.

Taman Wahyu former residents association chairman Ong Kean Eng said the increase in population in the area from new residential high-rises was causing congestions on existing roads.

"Residents take a long time to reach Jalan Kuching because there are just too many vehicles in this neighbourhood."

"Some even take more than half an hour to get to the nearest market."

"Opening up the connection from Jalan Sibu 1 to Jalan Kepong Lama will help ease traffic congestion," he said, adding that Deputy Federal Territories Minister Datuk Seri Jalaluddin Alias and Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah have visited the site with residents.

Batu MP P. Prabakaran, who called for the press conference, said population density had increased without any improvements made to current road infrastructure.

"There are now more than 100,000 residents in the area and the road is a vital connection as it allows motorists to head to Jalan Kuching, Batu Caves and Jalan Ipoh."

"I came here six months ago and noticed that street lamps were being erected but now, the project has been left as it is," he said, adding that he would raise the matter in Parliament on Feb 28.

# Tangga ikonik Putrajaya gamit pengunjung

**Komponen baharu yang memberi nilai tambah dan naik taraf konsep pengisian Taman Putra Perdana**

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Putrajaya:** Konsep bandar dalam taman yang dibangunkan di pusat pentadbiran negara, Putrajaya sememangnya unik dan mempunyai tarikan sendiri.

Tarikan terbaru, Tangga Putra Perdana yang dibuka sejak Oktober lalu untuk orang ramai beriadah sambil menjalani gaya hidup sihat.

Pengarah Perancangan dan Pembangunan Taman, Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya, LAr. Haslinda Khalid, berkata konsep dan reka bentuk Tangga Putrajaya itu berinspirasi daripada beberapa tangga ikonik dunia seperti Spanish Steps di Itali, Potemkin Stairs di Ukraine dan juga tangga Batu Caves di Selangor.

"Tangga Putrajaya ini adalah ilham Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa yang ketika itu dilantik Menteri Wilayah Persekutuan dan pembinaannya sempena 25 tahun Sambutan Jubli Perak Putrajaya.

"Kerja pembinaannya bermula pada 12 Mei tahun lalu dan siap sepenuhnya 5 Januari lalu. Tangga ini produk pelancongan dan rekreasi baharu di Putrajaya untuk pengunjung bersukan, beriadah dan rekreasi secara santai di sepanjang binaan tangga itu serta menikmati pemandangan bandar Putrajaya yang indah dari puncak Taman Putra Perdana," katanya.

Katanya, komponen utama Taman Putra Perdana ini adalah jajaran plaza lurus yang dihiasi dengan beberapa siri tangga, lampu taman, pancutan air, pokok hijau menuju ke Mercu Tanda.

"Mercu Tanda berbentuk piramid itu adalah monumen yang dibina selepas upacara pecah tanah dilakukan pada 29 Ogos 1995. Berketinggian 20 meter (m), ia tarikan utama sedia ada yang lama diwujudkan di Taman Putra Per-

dana ini.

Menurut Haslinda, Projek Tangga Putrajaya itu diurus dan diketuai beberapa Arkitek Lanskap berpengalaman dalam bidang seni bina landskap dari Jabatan Lanskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya serta membabitkan pihak perundung, Denai Ilham Sdn Bhd.

"Kerjasama ini bagi menghasilkan konsep tangga yang dapat memberi impak kepada Putrajaya dan memperincikan setiap elemen reka bentuk, bahan binaan, warna, corak dan kesan permukaan tangga, pilihan taman dan pokok hiasan yang menyelerahkan lagi persekitaran lan-daskap sedia ada."

"Pasukan ini juga dibantu daripada segi teknikal oleh pihak juruterma, jurukur batu dan hortikulturis bagi melengkapkan lagi pembinaannya hingga siap sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata, ketinggian tangga itu adalah 30m dan jarak pendakian sejauh lebih 200m, mempunyai reka bentuk struktur tangga landai dan selesa bagi aktiviti pendakian dan penurunan oleh pengguna.

"Konsep keseluruhan Tangga Putrajaya ini adalah *Diversity: Embracing the Existing Surrounding* yang mengambil kira keadaan tapak dan persekitaran seada ada agar reka bentuk tangga menjadi sebahagian daripada landskap yang ada, mesra alam, mesra pengguna, mapan dan mewujudkan suasana yang harmoni dengan pembangunan Taman

Putra Perdana.

Katanya, reka bentuk tangga itu berunsur kontemporari dengan pilihan kemasan yang mudah dan teratur agar dilihat sebagai tumpuan (focal point) serta kesinambungan laluan jalan kaki bermula dari Hotel Pulse Grande menuju ke Mercu Tanda turun melalui Laman Perdana untuk ke Dataran Putra.

"Tangga ini juga dapat dilihat sebagai satu paksi lurus (axis) yang menghubungkan kawasan tumpuan pelawat antara Taman Putra Perdana dan Dataran Putra.

"Dari segi teknikal, Tangga Putrajaya mempunyai 14 permukaan rata (danding) dan empat plaza, dibina mengikut keadaan bentuk muka bumi sedia ada bagi meminimumkan kerja pengorekan, pemotongan dan penambahbaikan tanah di mana kaedah ini juga dapat menjimatkan kos pembinaan secara keseluruhan," katanya.

Lebih menarik lagi, saliran tanah semulajadi (bio swale) dibina di kiri dan kanan tangga bagi mengalirkan segera aliran air hujan ke longkang sedia ada di bahagian bawah tangga.


"Warna kelabu gelap dipilih sebagai warna utama untuk kemasan tangga adalah untuk mewujudkan suasana yang kontra dengan persekitaran sedia ada yang didominasikan oleh landskap lembut atau tanaman," katanya.

Selain itu, katanya, sebanyak 135 pokok Tekoma (Tabebuia rosea) merah jambu ditanam di kiri dan kanan sepanjang jajaran tangga bagi melengkapkan landskapnya.

"Dengan adanya pokok di kiri dan kanan tangga, ia akan memberikan satu pemandangan musim bunga yang indah



LAr. Haslinda Khalid (tengah) bersama kakitangannya yang menjayakan projek pembinaan Tangga Putrajaya. (Foto Ihsan PPI)



Pemandangan dari atas Tangga Putrajaya meliputi sekitar Putrajaya serta bangunan pentadbiran Perdana Putra. (Foto Mohd Fadil Hamzah/BH)

apabila pokok membesar dan berbunga mengikut musimnya pada masa akan datang.

"Pemilihan corak geometri yang berunsur islamik dengan penggunaan warna cat yang terang diaplikasikan di atas permukaan lantai empat plaza yang ada.

Katanya, sebanyak 46 lampu taman dipasang untuk memberi pengalaman yang menarik pada waktu malam, selain binaan tangga dilengkapkan dengan rel tangga serta reka bentuk tangga sesuai bagi menyorong basikal untuk turun dan naik berbanding perlu memikulnya semasa menggunakan tangga.

"Tangga Putrajaya ini mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Record (MBOR) sebagai The Longest Stairway In A Public Park pada 28 Januari lalu dengan 250 anak tangga bermula daripada tangga bagi melengkapkan mercu monumen Mercu Tanda.

"Perbadanan Putrajaya juga mendapat pengiktirafan MBOR selepas berjaya melaksanakan Pemetaan Pencahanan Terbesar pada Tangga Terbuka pada 29 Januari lalu. Acara itu diadakan sempena sam

butan Hari Wilayah Persekutuan dan Pelancaran Bulan Pencahanan Putrajaya dari 26 hingga 29 Januari 2022," katanya.

Beliau menjelaskan, dalam memastikan tangga Tangga Putrajaya ini menjadi lokasi ikonik yang wajib dikunjungi di Putrajaya, pelbagai acara sukan, rekreasi, pesta bunyi dan cahaya boleh dianjurkan di tangga ini pada bila-bila masa dengan pembabitan pengunjung dan komuniti Putrajaya sendiri.

"Aktiviti sosial, kebudayaan, pertunjukan fesyen, pertandingan lukisan dan nyanyian antara acara yang boleh dianjurkan di kawasan tangga yang unik ini. Selain kios makanan dan minuman dan peralatan senaman serta permainan kanak-kanak juga akan dilaksanakan bagi menarik pengunjung, sekali gus dapat memberikan pulangan ekonomi kepada peniaga sekitar Putrajaya dan Perbadanan Putrajaya," katanya.

